

**Tahap Nilai Harapan Tenaga Kerja Migran Indonesia
Kabupaten Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia
di Luar Negara**

*(Value-Expectancy Level of Overseas Indonesian Migrant Workers
in Kabupaten Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia)*

BUDIJANTO

Fakultas Ilmu Sosial, Universitas Negeri Malang

WAN IBRAHIM WAN AHMAD

Pusat Pengajian Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia

E-mel: wiwa@uum.edu.my

Abstrak

Sumbangan pendapatan daripada tenaga kerja luar negara memberikan impak positif ke atas pembangunan ekonomi masyarakat setempat di Indonesia. Penyelidikan ini bertujuan untuk memperoleh gambaran umum tahap nilai harapan tenaga kerja Indonesia yang bekerja di luar negara. Penyelidikan ini yang menggunakan rekabentuk tinjauan, dilakukan di Kabupaten Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia. Untuk mencapai objektif ini, 250 orang TKI luar negara yang sedang bercuti di kawasan kajian telah dipilih untuk ditemubual. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan pekerja migran pada umumnya berjaya meningkatkan pencapaian nilai harapan mereka hasil daripada pendapatan yang mereka perolehi daripada luar negara. Pendapatan yang mereka miliki mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas tahap pencapaian nilai harapan dalam konteks tujuh dimensi yang ditanyakan kepada mereka, iaitu meningkatkan kemakmuran, status, keselesaan, stimulan, otonomi, afiliasi dan moraliti tenaga kerja yang terlibat. Oleh yang demikian bekerja sebagai migran di luar negara didapati terbukti meningkatkan tahap ekonomi, status sosial dan penonjolan gaya-hidup yang diinginkan oleh penduduk di kawasan kajian.

Kata Kunci: *Remitansi; Migrasi; Tingkat Pencapaian Nilai Harapan; Tenaga Kerja Migran*

Abstract

The contributions of income from migrant workers working overseas undoubtedly have a positive impact on socioeconomic development on local

community in Indonesia. This research has conducted to get a general picture the level of value-expectancy of Indonesian migrant workers working overseas. The research, which is using survey design, has been conducted at Kabupaten Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia. To meet this objective, 250 Indonesian migrant workers working overseas who are on their holiday in study area have been selected to be interviewed. Results of the study show that the majority of migrant workers have managed to increase the level of value-expectancy from their foreign earnings. Their earnings have a significant impact on the level of value-expectancy in terms of seven dimensions asked to them; i.e. the level of prosperity, status, pleasure, stimulation, autonomy, affiliation, and the morality of particular migrant workers. On the whole, working as migrant workers abroad has been proven to increase the economic levels, social status, as well as the expected life style of the population in the study area.

Keywords: Remittance; Migration; Value-expectancy; Migrant Workers

Pengenalan

Indonesia merupakan salah sebuah negara di Asia Tenggara yang banyak menghantar tenaga kerja ke luar negara melalui migrasi antarabangsa. Fenomena migrasi antarabangsa telah banyak dikaji dan diwacanakan dalam pelbagai bidang, termasuk pengajian globalisasi, sosiologi, geografi, demografi, sejarah dunia dan ekonomi politik (Lee Wai Yee, 2000). Penyelidikan dan penulisan migrasi antarabangsa meliputi ruang lingkup yang luas (Farwick, 2009). Ia boleh berkaitan dengan alasan, arah tujuan serta jarak, termasuk proses pengambilan keputusan. Dalam konteks proses pengambilan keputusan, persoalan utama di sebalik proses migrasi ialah mengapa migrasi berlaku dan bagaimana ia boleh berterusan melangkaui masa? (Schmitter-Heisler 2000; Sonja, 2008). Di peringkat global, pada 2013, terdapat kira-kira 232 juta manusia yang tinggal dan bekerja di luar negara kelahirannya, dan 48% daripada keseluruhan migran ini adalah wanita. Selain itu 51% daripada keseluruhan migran antarabangsa ini terdapat di 10 negara, iaitu Amerika Syarikat (46 juta), Kesatuan Rusia (11 juta), German (10 juta), Saudi Arabia (9 juta), dan United Arab Emirates serta United Kingdom, masing-masing 8 juta. Dalam jumlah yang agak kecil sedikit terdapat di Perancis, Kanada, Australia dan Sepanyol (United Nations, 2013). United Nations (2013) juga menyatakan antara 1990 dan 2013, migran antarabangsa meningkat lebih 77 juta atau sebanyak 50% dan sebahagian besar pertambahan ini terjadi antara 2000 dan 2010. Di antara tahun 2000 dan 2010 sejumlah 4.6 juta migran bertambah setiap tahun berbanding secara purata yang hanya sekitar dua juta setahun untuk jangkamasa 1990 - 2000 dan 3.6 juta untuk jangkamasa 2010 - 2013.

Hal ini menunjukkan migrasi melintasi sempadan negara semakin dilihat sebagai komponen penting pembangunan ekonomi dan sosial sesuatu

negara. Peningkatan jumlah migrasi ini digerakkan oleh ketimpangan aspek ekonomi di antara negara akibat kesan pembangunan ekonomi yang tidak seimbang. Oleh sebab itu berjuta manusia daripada pelbagai pelusuk negara bergerak melintasi sempadan antarabangsa dalam usaha mereka memperbaiki tahap hidup ahli keluarga masing-masing.

Oleh kerana motif utama penduduk yang melakukan migrasi antarabangsa adalah untuk memperbaiki tahap hidup ahli keluarga, maka remitan menjadi fokus utama migran antarabangsa ini. Dengan adanya remitan, diharapkan migran ini dapat mencapai perubahan-perubahan ke arah peningkatan kehidupan sosial ekonomi keluarga mereka (Goma, 1993: 407). Makalah ini bertujuan menganalisis nilai harapan tenaga kerja Indonesia (TKI) yang sedang bermigrasi melintasi sempadan negara sebagai dampak kepada adanya remitan berasaskan model *value-expectancy* (De Jong dan Fawcett, 1981).

Nilai harapan merupakan model baru dalam analisis migrasi yang dipopularkan oleh De Jong dan Fawcett (1981) dalam menganalisis pengambilan keputusan untuk bermigrasi. Model ini mencirikan motif-motif yang dipanggil nilai harapan sebagai penyebab utama seseorang mengambil keputusan untuk bermigrasi. Makalah ini berhasrat menganalisis aspek ini dalam konteks TKI di kabupaten Tulungagung yang bermigrasi ke luar negara.

Migrasi antarabangsa merupakan salah satu pilihan alternatif tenaga kerja di ASEAN (Abdul Haris, 2001; 2004) khususnya Indonesia. Bentuk aspek ekonomi hantaran dari TKI migran luar negara adalah berupa kiriman wang atau barang (remitan) ke daerah asal. Secara umum remitan adalah suatu konsep yang digunakan untuk menggambarkan pemindahan atau hantaran wang daripada pekerja migran antarabangsa kepada ibu bapa atau saudara mara lain di negara asal (Jongwanich, 2007). Remitan menjadi sumber tukaran asing utama kebanyakan negara, dan dalam tempoh dua dekad yang lepas, aliran kemasukan remitan ke negara membangun bertambah secara signifikan daripada USD31.2 bilion (1990) kepada USD160 bilion (2004) dengan pertambahan purata tahunan 17.1%. Di Asia dan Pasifik, lebih 40% remitan ini mengalir masuk ke negara Asia Selatan, diikuti Asia Timur (30%) dan Asia Tenggara (22%). Lima negara terbesar penerima remitan di Asia dan the Pasifik (2003) ialah India, China, Filipina, Pakistan dan Bangladesh (Jongwanich, 2007).

Sehingga tahun 2009, terdapat kira-kira 2 999 orang tenaga kerja Indonesia yang bekerja di luar negara (Depnakertrans, Kabupaten Tulungagung, 2010) yang memberikan jumlah remitan yang besar. Besarnya remitan yang dihantar ke negara asal sangat bervariasi (Goma, 1993:409). Remitan yang dikirim oleh TKI dari luar negara ke negaranya merupakan sumber pendapatan

utama bagi keluarganya. Remitan oleh TKI luar negara merupakan dampak secara material, yang pemanfaatannya oleh keluarga di daerah asal pada umumnya bervariasi, antara lain meliputi pemenuhan keperluan sehari-hari, pembelian tanah atau sawah, pembayaran hutang, biaya pendidikan anak, modal usaha kecil mahupun tabungan (Wini, 1999). Setiadi (1999) menyebutkan sumbangan remitan bukanlah sebagai sumber segala-galanya. Untuk pemilikan rumah misalnya hanya 13.3% dana bersumber dari remitan, dan bakinya 37.5% menyatakan dana pembuatan rumah sebahagian hasil dari remitan, dan 49.2% dananya tidak bersumber dari remitan.

Variasi ini juga terjadi pada pemilikan barang keluarga lain seperti motorsikal, televisyen, tanah, atau lembu. Buat masa ini migrasi antarabangsa TKI di kabupaten Tulungagung terbukti telah membuat keajaiban terhadap perubahan kehidupan masyarakat, kerana hanya dalam masa satu dekad sahaja daerah tersebut yang dahulunya merupakan daerah yang dipenuhi keluarga miskin tetapi kini sudah berubah menjadi daerah yang pesat membangun dengan pusat kegiatan ekonomi masyarakat yang beraneka ragam, dengan keadaan persekitaran perumahan yang teratur, dan terkesan mewah, arus pengangkutan dan komunikasi berkembang, membuat roda ekonomi telah berputar yang ternampak pada hiruk pikuk kegiatan ekonomi masyarakat. Dengan demikian tidak salah apabila tujuan utama orang melakukan migrasi antarabangsa ialah untuk memperbaiki kehidupan ekonomi keluarganya dengan penghasilan yang diperolehnya di daerah tujuan (Salladien, 1999), selaras dengan apa yang dijelaskan oleh Setiadi (2004:23) yang menyatakan terdapat hubungan erat antara migrasi antarabangsa dengan perubahan sosial ekonomi keluarga.

Berdasarkan data Depnakertrans Kabupaten Tulungagung, didapati jumlah remitan yang diterima terus mengalami peningkatan, bahkan mempunyai proporsi yang signifikan terhadap APBD daerah tersebut (Jadual 1). Oleh yang demikian, besarnya jumlah remitan terhadap APBD kabupaten Tulungagung tentunya remitan yang dikirimkan ke negara asal, bukan sahaja mempengaruhi keadaan ekonomi keluarga, tetapi juga berpengaruh ke atas tahap pembangunan sosial dan ekonomi di daerah tersebut.

Pertumbuhan ekonomi yang relatif pesat di beberapa negara umumnya tidak saja mempengaruhi tingkat kemakmuran tetapi juga menimbulkan gejala perpindahan penduduk (Arief Nasution, 1998). Melalui pendekatan modal manusia, motivasi utama untuk bermigrasi adalah memaksimumkan 'pendapatan riel seumur hidup'. Tetapi konsep pendapatan riel ini dapat diperluas untuk mencakup unsur-unsur non ekonomi yang dibahas dalam model-model pengambilan keputusan. Sebab itu bukan sesuatu yang luar biasa jika migran mengesampingkan segala resiko negatif yang mungkin diterima di negara tujuan mahupun keluarga yang ditinggalkan kerana alasan ekonomi. Terdapat satu model baru dalam pengambilan keputusan bermigrasi yang

mencirikan motif-motif sebagai penyebab utama dari hasrat untuk berpindah seperti yang dipopularkan oleh De Jong dan Fawcett (1981). De Jong dan Fawcett (1981) menerapkan suatu model nilai-harapan, yang merupakan varian mutakhir pendekatan pengambilan keputusan.

Jadual 1

Jumlah Kiriman Remitan di Kabupaten Tulungagung (2007 – 2009)

No	Tahun	Jumlah Remitan	APBD Kab. T Agung	Peratus
1.	2007	266.652.953.546	619.121.723.750	43,07
2.	2008	279.773.996.369	731.441.470.631	38,25
3.	2009	309.463.932.477	838.884.278.526	36,89

Sumber. Depnakertrans, Kabupaten Tulungagung, 2010.

Motivasi bermigrasi tergantung kepada apakah individu yang dimotivasi untuk bermigrasi terpengaruh oleh harapan bahwa perpindahan itu mewujudkan tujuan-tujuan tertentu yang secara pribadi berharga. Secara subjektif, apabila individu berhasrat melakukan migrasi, mereka memperhitungkan rasio biaya-manfaat, iaitu perbandingan di antara tingkat tekanan dengan kepuasan, nilai-nilai dan harapan-harapan.

Keputusan individu bermigrasi dipengaruhi permasalahan yang kompleks, termasuk arus ekonomi makro di pelbagai daerah. Keputusan individu cenderung berpindah dari wilayah yang sedikit kesempatan ekonominya ke wilayah yang lebih besar kesempatan ekonominya. Dimensi nilai utama individu yang bermigrasi dikenalpasti oleh De Jong dan Fawcett (1981) terdiri dari kemakmuran, status, kenyamanan, stimulasi, otonomi, afiliasi dan moraliti. Sehingga kini belum ada jawapan khusus persoalan tentang tahap pencapaian nilai harapan TKI di daerah Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia ini. Dengan demikian kajian yang mencuba untuk menjelaskan tingkat pencapaian nilai harapan di daerah Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia ini merupakan hal yang sangat penting. Sehubungan itu tujuan kajian ini ialah untuk mengungkap secara deskriptif tingkat pencapaian nilai harapan yang berupa kemakmuran, status, kenyamanan, stimulasi, otonomi, afiliasi, dan moraliti TKI di daerah asal, iaitu di Kabupaten Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia.

Metodologi


Penyelidikan ke atas nilai harapan TKI dalam makalah ini direkabentuk menggunakan pendekatan tinjauan (survey), khususnya pendekatan

penyelidikan eksplanatori. Penyelidikan eksplanatori adalah sesuai digunakan apabila suatu permasalahan telah berjaya dikenalpasti, tetapi pemahaman mengenainya masih sangat terbatas (Yegidis dan Weinbach, 2002). Tumpuan penyelidikan ini adalah ke atas tenaga kerja migran Indonesia yang tinggal di beberapa desa di Kabupaten Tulungagung, yang terletak di Jawa Timur, Indonesia. Mereka ini telah melakukan migrasi antarabangsa untuk mencari pekerjaan di luar negara. Semasa kajian ini dilakukan mereka ini sedang berada di desa kediaman mereka untuk bercuti dan penyelidikan ini mengambil kesempatan untuk menemubual mereka. Kebanyakan desa di Indonesia, khususnya di Kabupaten Tulungagung, banyak menjadi penghantar kepada tenaga kerja di luar negara. Kabupaten Tulungagung mempunyai tiga kawasan yang secara fizikal dan ekonomi berbeza, iaitu daerah pertanian, daerah penanaman padi, dan daerah campuran. Kawasan kajian, disebabkan meliputi kawasan yang luas, dipilih satu kecamatan yang mempunyai jumlah tenaga kerja di luar negara yang paling ramai, sementara untuk setiap kecamatan ini dipilih satu desa yang ditentukan secara *purposive*, iaitu desa yang mempunyai keluarga yang anggota keluarganya sebagai tenaga kerja dalam jumlah terbesar. Responden ini berjumlah 250 orang yang kebetulan pulang bercuti di kawasan kajian. Data dikumpulkan melalui temu bual bersemuka dan dianalisis secara diskriptif. Dimensi utama nilai harapan tenaga kerja terdiri dari kemakmuran, status, kenyamanan, stimulasi, otonomi, afiliasi, dan moraliti, seperti yang diadaptasi dari De Jong dan Fawcett (1981) (Rajah 1).

Untuk mengukur pencapaian setiap dimensi, setiap dimensi diwakili lima pernyataan. Responden diberikan pilihan jawapan “ya” dan “tidak”. Setiap satu pernyataan diberikan skor 25 peratus, yang bermaksud apabila responden menjawab “ya” sebanyak satu pernyataan, maka responden tersebut dikategorikan sebagai mempunyai tahap pencapaian yang rendah (25%). Skor antara 50 – <75% dikategorikan sebagai sederhana, skor antara 75 – <100% dikategorikan sebagai tinggi. Sementara skor 100% dikategorikan sebagai sempurna. Pengukuran dimensi lain juga dilakukan dengan cara yang sama.

Dapatan Kajian

Sebelum perbincangan ke atas dimensi tingkat pencapaian nilai harapan tenaga kerja di kawasan kajian dilakukan, dalam bahagian ini dibincangkan beberapa ciri profil tenaga kerja terlebih dahulu (Jadual 2). Berbeza dengan pandangan umum bahawa pekerja migran kebanyakannya kaum lelaki, sebahagian besar pekerja migran Indonesia yang ke luar negara adalah perempuan (62.2%). Besarnya jumlah migran wanita ini ada kaitannya dengan permintaan pekerjaan sebagai pembantu rumah yang kian meningkat. Wanita-wanita dari negara berpendapatan rendah bermigrasi ke luar negara untuk memenuhi permintaan pekerjaan dalam bidang ini di negara-negara yang lebih maju ekonominya.



International Migration Report 2013 (United Nations, 2013) melaporkan wanita terdiri daripada 48 peratus daripada keseluruhan migran antarabangsa tahun 2013. Dalam laporan ini juga dinyatakan jumlah migran wanita melebihi separuh dari keseluruhan migran negara itu di 101 buah negara. Dalam penyelidikan ini, kebanyakan migran berumur 39 tahun dan kurang (74.8%).

Besarnya jumlah migran antarabangsa daripada Kabupaten, Jawa Timur, Indonesia yang berumur 39 tahun dan kurang ini ada kaitannya dengan desakan kewangan anak-anak yang mula memasuki sekolah menengah. Anak-

anak wanita pada umur ini pada umumnya sudah mula memasuki sekolah menengah yang memerlukan kewangan yang lebih banyak yang memaksa ibu atau bapa mereka keluar bermigrasi untuk menambahkan pendapatan keluarga. Hasil kajian menunjukkan hanya 10 peratus migran antarabangsa yang berumur 20 tahun dan kurang. Di peringkat global, hanya 15 peratus mereka yang berumur 20 tahun dan kurang yang menjadi migran antarabangsa pada tahun 2013 (United Nations, 2013). Tidak ramai mereka yang belum berkahwin. Dari segi pendidikan, kebanyakannya berpendidikan sekolah menengah (SLTA). Mereka ini merupakan petani yang sebahagian besarnya tidak berpendapatan, tidak mempunyai tanah garapan, dan tidak ada kemahiran hidup yang boleh dijadikan bekal kehidupan. Disebabkan tidak mempunyai peluang pekerjaan yang sesuai, mereka mengambil keputusan bermigrasi ke luar negara.

Jadual 2

Ciri Profil Sosiodemografi Tenaga Kerja Indonesia

Ciri-ciri Profil	Jumlah	Peratus
Jantina		
Lelaki	87	34.8
Perempuan	163	62.2
Taburan Umur		
20 dan kurang	25	10.0
20-29	71	28.4
30-39	91	36.4
40-49	43	17.2
50 dan lebih	20	08.0
Status Perkawinan		
Belum Kahwin	39	15.6
Berkahwin	211	84.4
Tahap Pendidikan		
Sekolah Rendah (SD)	37	14.8
Sekolah Menengah Rendah (SLTP)	92	36.8
Sekolah Menengah (SLTA)	126	50.4
Pengajian Tinggi (Perguruan Tinggi)	5	2.0
Jumlah Tanggungan		
2 dan kurang	24	9.6
3 – 4	194	77.6
5 dan lebih	32	12.8

(sambungan)

Ciri-ciri Profil	Jumlah	Peratus
Jenis Pekerjaan		
Petani	72	28.8
Buruh Tani	66	26.4
Buruh Bangunan	54	21.6
Tidak Bekerja	58	23.2
Taburan Pendapatan (Rp)		
Tiada Pendapatan	152	60.8
100 000 dan kurang	16	6.4
100 001 – 500 000	64	25.6
500 001 dan lebih	24	9.6
Luas Tanah Garapan (m ²)		
Tiada Tanah	178	71.1
750 dan kurang	31	12.4
751 – 3000	41	17.4
3001 dan lebih	1	0.4
Kemahiran Hidup		
Ada	39	15.6
Tidak Ada	211	84.4

Dimensi Tahap Nilai Harapan

Tahap nilai harapan, seperti yang telah dijelaskan, terdiri dari tujuh dimensi, iaitu meliputi kemakmuran, status, kenyamanan, stimulasi, otonomi, afiliasi, dan moraliti TKI di daerah asal. Sesuai dengan tujuan penyelidikan, bahagian ini menghuraikan secara deskriptif maklumat berkaitan skor yang diperolehi daripada tujuh dimensi tahap pencapaian nilai harapan TKI di Kabupaten Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia.

Kemakmuran

Keluarga migran dikatakan makmur apabila semua keperluan material dapat dipenuhi dengan sebaik-baiknya, dan tahap kemakmuran dapat diukur dari banyaknya barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan serta banyak barangan dan perkhidmatan yang digunakan untuk memenuhi keperluan hidup khususnya pada keluarga TKI di daerah asal. Tahap kemakmuran dinyatakan dalam pernyataan, iaitu; (1) mendapatkan suatu pendapatan yang tinggi dan pendapatan tetap, (2) mendapatkan jaminan ekonomi di hari tua, (3) mampu menghasilkan keperluan-keperluan asas, dan (4) mendapatkan jaminan sosial dan kemanfaatan ekonomi yang lain. Taburan responden berdasarkan tingkat kemakmuran keluarga TKI di daerah asal ditunjukkan melalui Jadual 3.

Jadual 3

Pencapaian Nilai Harapan Berdasarkan Tahap Kemakmuran

Tahap Kemakmuran (%)	Jumlah	Peratus
Rendah 25 - <50	196	79.4
Sederhana 50 - < 75	38	15.2
Tinggi 75 - <100	9	3.6
Sempurna 100	5	2.0
Jumlah	250	100.00

Sumber : Data Primer

Berdasarkan Jadual 3 dapat dijelaskan peratusan terbesar adalah responden yang mengaku mencapai tahap kemakmuran yang rendah iaitu skornya 25 - <50 sebanyak 78.49%. Responden yang mencapai tahap kemakmuran sederhana, iaitu 50 - <75% pula (dua indikator, iaitu mendapatkan suatu pendapatan yang tinggi, dan sudah mempunyai pendapatan tetap adalah sebanyak 15.2%.

Sedangkan responden yang mencapai tahap kemakmuran 75 - < 100% (empat indikator, iaitu mendapatkan suatu pendapatan yang tinggi, sudah mempunyai pendapatan tetap, mendapatkan jaminan ekonomi di hari tua, dan mampu menghasilkan keperluan-keperluan asas; barang lain) sebanyak 3.6%. Selanjutnya responden yang mencapai tahap kemakmuran sempurna 100% (seluruh indikator, iaitu mendapatkan suatu pendapatan yang tinggi, sudah mempunyai pendapatan tetap, mendapatkan jaminan ekonomi di hari tua, mampu menghasilkan keperluan-keperluan asas; barang lain, dan mendapatkan jaminan sosial dan kemanfaatan-kemanfaatan ekonomi lain sebanyak 2.0%.

Status

Beragamnya orang yang ada di suatu persekitaran boleh menimbulkan perbezaan status. Status yang dimaksud adalah status sosial yang merupakan sekumpulan hak dan kewajiban yang dimiliki seseorang dalam masyarakatnya, khususnya TKI di daerah asal. Orang yang memiliki status sosial yang tinggi akan ditempatkan lebih tinggi dalam struktur masyarakat dibandingkan dengan orang yang status sosialnya rendah. Menurut De Jong dan Fawcett (1981), pembeza status adalah setelah keluarga; (1) mendapatkan suatu pekerjaan yang berwibawa, (2) terpuja dalam masyarakat, (3) mendapatkan pendidikan baik, (4) memiliki kekuatan dan pengaruh. Taburan responden berdasarkan status ditunjukkan melalui Jadual 4. Adalah didapati peratusan terbesar adalah responden yang telah mencapai tahap status rendah, iaitu sebanyak 53.2%. Ini

bererti sebahagian TKI telah mendapatkan suatu pekerjaan yang berwibawa. Untuk responden yang memiliki status pada kelompok 50- < 75 % pula ialah sebanyak 24.0 % yang bererti mereka, di samping mendapatkan pekerjaan yang berwibawa juga terpancang dalam masyarakat.

Jadual 4

Pencapaian Nilai Harapan Berdasarkan Status

Status (%)	Jumlah	Peratus
Rendah 25 - <50	133	53.2
Sederhana 50 - < 75	60	24.0
Tinggi 75 - <100	54	21.6
Sempurna 100	3	1.2
Jumlah	250	100.00

Sumber: Data Primer

Responden yang mencapai tahap status dalam kategori 75 - < 100 ialah 21.6%. Mereka ini di samping sudah memiliki kedua hal tersebut di atas, juga telah mendapat pendidikan yang baik. Sedangkan peratusan terkecil adalah responden yang berada pada kelompok 100.0%. Responden ini sudah mendapatkan seluruh indikator, di samping tiga indikator, iaitu pekerjaan yang berwibawa, terpancang dalam masyarakat, mendapatkan pendidikan yang baik, juga memiliki kekuatan dan pengaruh dalam masyarakat.

Keselesaan

Keselesaan merupakan kesenangan, kebebasan dari rasa sakit, keperluan, atau kegelisahan atau apa sahaja yang berkaitan dengan sesuatu yang tidak menyenangkan dalam keluarga TKI. Menurut De Jong dan Fawcett (1981) indikator tingkat keselesaan meliputi; (1) mendapatkan pekerjaan yang ringan, (2) tinggal di suatu masyarakat yang menyenangkan, (3) mempunyai banyak waktu luang, dan (4) memiliki rumah yang selesa. Peratusan terbesar adalah responden yang mengaku tingkat keselesaan di peringkat 25 - <50% iaitu 42.4% yang bererti responden telah mendapatkan pekerjaan yang ringan (Jadual 5).

Responden yang memiliki tahap keselesaan 50 - <75% ialah 26.1%. Responden ini di samping memiliki pekerjaan yang ringan, juga sudah tinggal di suatu masyarakat yang menyenangkan; tetapi belum memiliki waktu yang luang, dan rumah yang selesa. Responden yang memiliki tahap keselesaan 75 - <100% pula ialah 19.4% yang bererti kelompok TKI ini sudah memiliki pekerjaan yang ringan; tinggal di suatu masyarakat yang menyenangkan, juga memiliki waktu luang, tetapi belum memiliki rumah yang selesa.

Peratusan terkecil adalah responden yang mengaku memiliki tahap keselesaan yang sempurna, iaitu 100% sebanyak 11.9%. Oleh itu diukur dari tingkat keselesaan, responden sudah memiliki memiliki pekerjaan yang ringan; tinggal di suatu masyarakat yang menyenangkan; sudah memiliki waktu yang luang, juga memiliki rumah yang selesa. Dengan demikian 57.6% keluarga TKI secara psikologi telah merasakan rasa selesa.

Jadual 5

Pencapaian Nilai Harapan Berdasarkan Keselesaan

Kenyamanan (%)	Jumlah	Peratus
Rendah 25 - <50	106	42.4
Sederhana 50 - < 75	65	26.1
Tinggi 75 - <100	49	19.4
Sempurna 100	30	11.9
Jumlah	250	100.00

Sumber: Data Primer

Stimulasi

Stimulasi merupakan perangsangan yang datangnya dari lingkungan di luar individu TKI. Bentuk perangsang lingkungan di luar individu TKI ada empat faktor perangsang, iaitu: (1) ingin mendapatkan hal-hal yang menggembirakan; (2) ingin melakukan hal-hal baru; (3) ingin dapat berkenalan dengan banyak orang, dan (4) ingin tetap aktif dan sibuk. Taburan responden berdasarkan nilai harapan berdasarkan stimulasi ditunjukkan melalui Jadual 6.

Jadual 6

Pencapaian Nilai Harapan Berdasarkan Stimulasi

Stinulasi (%)	Jumlah	Peratus
Rendah 25 - <50	101	40.3
Sederhana 50 - < 75	78	31.3
Tinggi 75 - <100	47	18.6
Sempurna 100	24	9.7
Jumlah	250	100.00

Sumber: Data Primer

Berdasarkan Jadual 6 dapat dijelaskan peratusan terbesar adalah responden yang mempunyai tahap stimulasi 25 - <50% iaitu sebanyak 40.3%. Responden ini ialah responden yang telah mendapatkan hal-hal yang menggembirakan, tetapi belum dapat melakukan hal-hal baru; belum dapat berkenalan dengan banyak orang, dan belum boleh aktif dan sibuk. Seterusnya responden yang memiliki tahap stimulasi 50-< 75 % ialah 31.3%. Kelompok responden ini, di samping mendapatkan hal-hal yang menggembirakan dan sudah dapat melakukan hal baru; belum dapat berkenalan dengan banyak orang dan belum dapat aktif dan sibuk kerana banyak masa digunakan untuk keperluan menambahkan pendapatan.

Responden yang memiliki tahap stimulasi 75-<100% pula 18.6% yang bererti kelompok TKI di daerah asal di samping sudah dapat melakukan hal-hal baru, dan dapat berkenalan dengan banyak orang, juga sudah dapat aktif dan sibuk. Peratusan terkecil ialah yang memiliki tahap stimulasi 100% sebanyak 9.7% yang bererti diukur dari tahap stimulasi yang diharapkan, responden telah mendapatkan hal-hal yang menggembirakan, melakukan hal-hal baru, dapat berkenalan dengan banyak orang, dan sudah aktif dan sibuk.

Otonomi

Otonomi ialah hak dan kemampuan untuk mengatur diri sendiri, dan bertanggung jawab tanpa intervensi dari luar. Otonomi yang dimaksud dalam kajian ini adalah otonomi, iaitu hak dan kemampuan keluarga tenaga kerja mengatur diri sendiri, dan bertanggung jawab tanpa intervensi dari luar keluarga tenaga kerja yang juga bererti dengan otonomi, tenaga kerja tersebut: (1) tidak tergantung secara ekonomi, (2) bebas mengemukakan pendapat dan melakukan apa yang diinginkan, (3) tidak terganggu, dan (4) acuh tak acuh (Jadual 7).

Jadual 7

Pencapaian Nilai Harapan Berdasarkan Otonomi

Otonomi (%)	Jumlah	Peratus
Rendah 25 - <50	119	47.8
Sederhana 50 - < 75	69	27.6
Tinggi 75 - <100	54	21.6
Sempurna 100	8	3.0
Jumlah	250	100.00

Sumber: Data Primer

Berdasarkan Jadual 7 dapat dijelaskan peratusan terbesar adalah responden yang mempunyai tahap otonomi 25 -<50%, iaitu sebanyak 47.8%. Ini menunjukkan responden sudah tidak tergantung secara ekonomi, tetapi belum dapat bebas mengemukakan pendapat dan melakukan apa yang diinginkan; masih terganggu, dan tidak bisa acuh tak acuh.

Responden yang memiliki tahap otonomi 50-<75% pula 27.6%, yang bererti kelompok responden ini di samping sudah tidak tergantung secara ekonomi, juga sudah dapat bebas mengemukakan pendapat dan melakukan apa yang diinginkan tetapi; masih terganggu dan tidak bisa acuh tak acuh. Jumlah responden yang memiliki tahap otonomi 75-< 100% pula ialah sebanyak 21.6% yang bererti kelompok masyarakat keluarga TKI di daerah asal di samping sudah sudah tidak tergantung secara ekonomi juga sudah dapat bebas mengemukakan pendapat, dapat melakukan apa yang diinginkan, dan sudah tidak terganggu tetapi belum bisa bersikap acuh tak acuh. Tidak ramai responden yang memiliki tahap otonomi dan kepuasan yang sempurna. Peratus terkecil ialah responden yang memiliki tahap otonomi yang sempurna, iaitu 100% sebanyak 3.0%. Oleh itu jika diukur dari tahap otonomi yang diharapkan, responden sudah tidak tergantung secara ekonomi, sudah dapat bebas mengemukakan pendapat, dapat melakukan apa yang diinginkan, sudah tidak terganggu, dan bisa bersikap acuh tak acuh.

Afiliasi

Afiliasi yang bererti bergabung, ikatan, atau sebagai suatu ikatan yang diharapkan setelah salah satu atau lebih anggota keluarga bekerja sebagai TKI luar negara. Ikatan afiliasi tersebut yang berupa: (1) tinggal dekat keluarga atau teman-teman, (2) menjadi bahagian dari satu kelompok/masyarakat, (3) mempunyai banyak teman, dan (4) kesempatan mendapat pasangan untuk berbagai nasib (Jadual 8).

Jadual 8

Pencapaian Nilai Harapan Berdasarkan Afiliasi

Afiliasi (%)	Jumlah	Peratus
Rendah 25 - <50	95	38.1
Sederhana 50 - < 75	60	28.9
Tinggi 75 - <100	54	21.6
Sempurna 100	41	16.4
Jumlah	250	100.00

Sumber: Data Primer

Berdasarkan Jadwal 8, peratusan terbesar adalah responden yang memiliki tahap otonomi 25 - <50%, yaitu 38.1% yang berarti responden sudah tinggal dekat keluarga atau teman-teman, tetapi belum menjadi bahagian dari satu kelompok/masyarakat, belum mempunyai banyak teman, dan belum mendapat kesempatan mendapat pasangan untuk berbagai nasib. Responden yang memiliki tingkat afiliasi 50-<75% pula ialah 28.9%. Responden ini di samping sudah tinggal dekat keluarga atau teman-teman, juga sudah menjadi bahagian dari satu masyarakat, tetapi belum mempunyai banyak teman, dan belum mendapat kesempatan mendapat pasangan untuk berbagai nasib.

Responden yang memiliki tingkat afiliasi 75-<100% pula sebanyak 21.6% yang artinya kelompok TKI di daerah asal di samping sudah tinggal dekat keluarga atau teman-teman, dan sudah menjadi bahagian dari satu kelompok/masyarakat, juga sudah mempunyai banyak teman, tetapi belum mendapat kesempatan mendapat pasangan untuk berbagai nasib. Selanjutnya peratusan terkecil adalah responden yang memiliki tahap afiliasi yang sempurna, yaitu 100% yaitu 16.4% yang artinya jika diukur dari tahap afiliasi yang diharapkan, responden sudah tinggal dekat keluarga atau teman-teman, sudah menjadi bahagian dari satu kelompok/masyarakat, sudah mempunyai banyak teman, dan sudah mendapat kesempatan mendapat pasangan untuk berbagai nasib.

Moraliti

Moraliti ialah cara berfikir dan bertindak yang dilandasi oleh budi pekerti atau keseluruhan asas dan nilai pada TKI yang berkenaan dengan tujuan nilai harapan setelah salah satu atau lebih anggota keluarga bekerja sebagai TKI di luar negara. Moraliti yang dimaksud ialah: (1) mencapai suatu kehidupan baik, (2) dapat menjalankan ibadat, (3) memberikan pengaruh-pengaruh yang baik bagi anak-anak, dan (4) bertempat tinggal di suatu masyarakat dengan suatu iklim moral yang menguntungkan (Jadual 9).

Jadual 9

Pencapaian Nilai Harapan Berdasarkan Moraliti

Moraliti (%)	Jumlah	Peratus
Rendah 25 - <50	86	34.4
Sederhana 50 - < 75	72	28.8
Tinggi 75 - <100	58	23.2
Sempurna 100	34	13.6
Jumlah	250	100.00

Sumber: Data Primer

Jadual 9 menunjukkan peratusan terbesar responden adalah memiliki tahap moraliti sebanyak 25- <50%, iaitu 34.4%. Responden ini sudah mencapai suatu kehidupan baik, tetapi belum dapat menjalankan ibadat, belum dapat memberikan pengaruh-pengaruh yang baik bagi anak-anak dan belum bertempat tinggal di suatu masyarakat dengan suatu iklim moral yang menguntungkan. Responden yang memiliki tahap moraliti 50 - <75% ialah 28.8%. Responden ini di samping sudah mencapai kehidupan baik dan dapat menjalankan ibadat, tetapi belum dapat memberikan pengaruh-pengaruh yang baik bagi anak-anak dan belum dapat tinggal di suatu masyarakat dengan suatu iklim moral yang menguntungkan.

Responden yang memiliki tahap moraliti 75-< 100 % ialah sebanyak 23.2%. Kelompok TKI ini di samping sudah mencapai suatu kehidupan baik, dapat menjalankan ibadat, serta bisa memberikan pengaruh yang baik bagi anak-anak; tetapi belum bertempat tinggal di suatu masyarakat dengan suatu iklim moral yang menguntungkan. Peratusan terkecil ialah responden yang memiliki tahap moraliti 100% iaitu 13.6% yang bererti responden sudah mencapai suatu kehidupan baik, dapat menjalankan ibadat, boleh memberikan pengaruh yang baik bagi anak-anak, serta sudah boleh mempunyai tempat tinggal di suatu masyarakat dengan suatu iklim moral yang menyenangkan.

Penutup

Secara umumnya makalah ini menghuraikan pencapaian tahap nilai harapan tenaga kerja migran Indonesia di luar negara yang sekarang ini sedang bercuti dan kembali ke kampung di kawasan kajian di Kabupaten Tulungagung. Sehingga tahun 2009, terdapat kira-kira 2 999 orang tenaga kerja migran Indonesia yang bekerja di luar negara. Dengan jumlah yang besar ini, mereka berjaya menyumbangkan sejumlah remitan yang tidak sedikit kepada ekonomi daerah asal. Kerana itulah kawasan kajian sekitar dua dekad yang lalu merupakan daerah yang sebagian besar masyarakatnya miskin, namun pada masa ini keadaannya telah berubah. Sumbangan pendapatan daripada migrasi antarabangsa membuatkan daerah tersebut berubah menjadi pusat kegiatan ekonomi masyarakat yang beraneka ragam, dengan keadaan persekitaran perumahan yang tertata dan terkesan mewah. Penyelidikan ini adalah untuk memperoleh gambaran tahap pencapaian nilai harapan tenaga kerja di daerah asal. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pendekatan tinjauan. Kawasan kajian ditentukan secara *purposive*, iaitu desa yang memiliki ahli keluarga tenaga kerja terbesar jumlahnya. Jumlah sampel ialah 250 orang tenaga kerja.

Hasil kajian menunjukkan ramai penduduk daripada pelbagai pelusuk di Indonesia, yang kebanyakannya berpendidikan rendah, wanita dan sudah

berkahwin bergerak melintasi sempadan antarabangsa dalam usaha mereka memperbaiki tahap hidup ahli keluarga masing-masing. Mereka ini melakukan migrasi antarabangsa untuk memenuhi permintaan kesempatan pekerjaan di luar negara yang semakin meningkat. Keadaan yang sama juga didapati daripada penduduk pelbagai desa di Kabupaten Tulungagung, Indonesia. Walaupun terdapat pelbagai motif lain untuk melakukan migrasi antarabangsa, memperbaiki tahap hidup ahli keluarga masih merupakan motif utama para tenaga kerja luar negara di Indonesia. Oleh kerana motif utama mereka adalah untuk memperbaiki tahap hidup ahli keluarga, maka daripada pendapatan yang mereka perolehi diharapkan dapat meningkatkan kemampuan mereka mencapai perubahan-perubahan ke arah peningkatan kehidupan sosial ekonomi keluarga mereka. Pendapatan yang diperolehi daripada migrasi antarabangsa adalah penting dalam menerangkan tahap pencapaian dalam konteks tujuh dimensi nilai harapan. Pendapatan ini telah meningkatkan tahap kemakmuran, status, kenyamanan, stimulan, otonomi, afiliasi dan moralitas, keluarga tenaga kerja. Dengan demikian pendapatan yang diperolehi daripada migrasi antarabangsa ini didapati berjaya meningkatkan keadaan ekonomi, dapat memberikan peluang mobiliti sosial dan meningkatkan status sosial, memberikan kepuasan dari segi tempat tinggal, afiliasi dengan rumah tangga dan rakan-rakan serta mampu meningkatkan penonjolan gaya-hidup baru yang diinginkan. Dengan demikian adalah benar jika tujuan utama orang melakukan migrasi antarabangsa ialah untuk memperbaiki kehidupan ekonomi keluarganya seperti yang ditunjukkan oleh kebanyakan kajian-kajian migrasi lain sebelum ini.

Rujukan

- Abdul Haris. (2001). Migrasi internasional, jaminan perlindungan dan tantangan ekonomi global. *Populasi*, 12(1), 3 - 19. Pusat Penelitian Kependudukan, Universitas Gadjah Mada.
- Abdul Haris. (2004). *Memburu ringgit membagi kemiskinan*. Fakta di balik migrasi orang sasak ke Malaysia. Pustaka Pelajar. Yogyakarta.
- De Jong, G. F, & J. T. Fawcett. (1981). Motivation for migration. An assessment and a value-expectancy research - model, Dlm. De long & Robert W Gardner (eds). *Migration decision making, multidisciplinary approach to microlevel studies in developed and developing countries*. New York: Pergamon Press.
- Depnakertrans. (2010). *Kiriman remitan*. Depnakertrans, Kabupaten Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia.
- Farwick, Andreas. (2009). *Internal migration: Challenges and perspectives for the research infrastructure*. Working Paper Series No. 97. Working Paper Series of the Council for Social and Economic Data, University of Bremen, Germany
- Goma, Johana Naomi. (1993). *Mobilitas tenaga kerja Flores Timur ke Sabah Malaysia dan pengaruhnya terhadap daerah asal: Studi kasus Desa*

- Neleren, Kecamatan Adomara Kab. Flores Timur*. Yogyakarta, UGM PPS.
- Haug, Sonja. (2008). Migration networks and migration decision-making. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, 34(4), 585 - 605.
- Jongwanich, J. (2007). *Workers' remittances, economic growth and poverty in developing asia and the pacific countries*. United Nations: UNESCAP Working Paper, No. WP/07/01
- Lee Wai Yee, Michelle. (2000). Transmigrasi, gender dan identity: Migran wanita Filipina di Malaysia, dlm Rahimah Abd Aziz & Mohamed Yusuff Ismail (Eds). *Masyarakat, budaya dan perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- M. Arief Nasution. (1998). Mobilitas tenaga kerja Indonesia ke luar negeri dan dampaknya terhadap diri migran : Suatu tinjauan awal terhadap kasus buruh bangunan di Kuala Lumpur. *Populasi*, 9(2), 59 – 70. Yogyakarta: Pusat Penelitian Kependudukan, Universitas Gadjah Mada.
- Salladien, (1999). *Refleksi pemahaman mobilitas penduduk sebagai upaya peningkatan sosial ekonomi*, Universitas Brawijaya, Malang.
- Setiadi. (1999). konteks sosio kultural migrasi internasional. Kasus di Lewotolok, Flores Timur. Flores Timur. *Populasi*, 12(1), 1 - 13. Yogyakarta: Pusat Penelitian Kependudukan, Universitas Gadjah Mada.
- Setiadi . (2001). Masalah reintegrasi sosial dan ekonomi migran kembali. *Populasi* 10(2), 21 - 35. Yogyakarta: Pusat Penelitian Kependudukan, Universitas Gadjah Mada.
- Singarimbun, Masri dan Sofyan Effendi. (1987). *Metode penelitian survey*. Jakarta: LP3ES.
- Solimun, (2008). *Pemahaman metode kuantitatif mutakhir structural equation modeling & partial least square*. Program Studi Statistika FMIPA UB
- Triantoro, (1999). Migrasi legal dan ilegal ke Malaysia Barat kasus migrasi internasional di Pulau Lombok, NTB. *Populasi*, 10(2), 29 - 43. Pusat Penelitian Kependudukan, Universitas Gajah Mada.
- United Nations. (2013). *International migration report 2013*. New York: Department of Economic and Social Affairs, Population Division.
- Wini Tamtiari, (1999). Dampak migrasi tenaga kerja ke Malaysia. *Populasi*, 10(2), 14 - 28. Pusat Penelitian Kependudukan, Universitas Gadjah Mada.
- Yegidis, B. L., & Weinbach, R. W. (2002). *Research methods for social workers* (4th ed). Boston: Allyn and Bacon.